

## Peranan Mitos dalam Masyarakat Orang Asli Kampung Peta, Endau, Mersing, Johor

### The Roles of Myths in Orang Asli Community at Kampung Peta, Endau, Mersing, Johor

JAI KEMALOK & MARYATI MOHAMED

#### ABSTRAK

Mitos merupakan satu bentuk kepercayaan dalam sesebuah masyarakat yang terbentuk daripada kisah yang lahir secara semula jadi dalam pelbagai aspek penceritaan lisan sesebuah masyarakat seperti masyarakat Orang Asli. Mitos sering dianggap sebagai tidak penting dan diketepikan dalam kehidupan masyarakat moden pada hari ini. Namun jika diteliti, mitos dalam masyarakat Orang Asli mempunyai kaitan yang tersendiri dengan sains tabii. Kajian ini mengetengahkan peranan mitos dalam masyarakat suku Orang Asli Jakun, Kampung Peta, Mersing, Johor sebagai satu warisan dan medium penting dalam kehidupan mereka yang terkait dengan sains tabii sejak turun temurun. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, yang menggunakan kajian pustaka dan kajian lapangan bagi pengumpulan data mitos melalui kaedah temu bual bersemuka. Mitos yang didokumenkan kemudiannya dibahagikan kepada lima jenis iaitu [1] flora, [2] fauna, [3] serangga, [4] orang / dewa dan [5] tempat. Secara keseluruhan, sejumlah 101 mitos telah dapat didokumenkan dalam kajian ini. Mitos berkaitan flora, fauna dan serangga merupakan adalah antara yang paling banyak didokumenkan. Kajian ini juga mendapati bahawa mitos mempunyai peranan dalam kalangan masyarakat Orang Asli sebagai medium untuk mengikat kesetiaan, menjaga keselamatan dan memberi pendidikan tidak formal dalam masyarakat. Ia juga mempunyai potensi untuk dijadikan sebagai produk pelancongan budaya bagi masyarakat Orang Asli. Justeru itu, kajian ini membuktikan bahawa mitos mempunyai peranan yang penting dalam pembentukan budaya Orang Asli di Kampung Peta dan ia juga merupakan warisan yang perlu dilestarikan untuk generasi Orang Asli di masa hadapan.

*Kata kunci:* Mitos; Orang Asli; sains tabii; pendidikan

#### ABSTRACT

Myth is a form of belief in a community that is shaped by a story that is born naturally in various aspects of the oral history of a community such as the indigenous community. Myths are often considered as insignificant and dismissed in today's society. However, the myths of Indigenous people actually have their own relation to natural science. This study, therefore, highlights the role of myths among the aboriginal tribe named Jakun at Kampung Peta, Mersing, Johor. They are selected as a tribe who believed to have an important legacy related to natural science since a number of generations. This study employs a qualitative approach, through face-to-face interviews. The documented myths are then divided into five types: [1] flora, [2] fauna, [3] insects, [4] people / gods and [5] places. In total, a total of 101 myths have been documented in this study. The myths categorised as flora, fauna and insects are among the most documented. The study also found that myths play a significant role as a medium for binding loyalty, maintaining security and providing informal education in society. It also has the potential to be a cultural tourism product for indigenous peoples. Thus, this study proves that myths play an important role in shaping Indigenous culture in Kampung Peta and that it is also a legacy that must be preserved for future generations.

*Keywords:* Myth; Indigenous people; natural science; education

#### PENGENALAN

Perkataan asal mitos ini berasal daripada perkataan Greek iaitu "MYTHOS". Mitos adalah sebuah kisah yang lahir secara semula jadi dalam pelbagai aspek penceritaan yang berbeza. Mitos ini merupakan sebuah cerita yang benar dalam kehidupan seseorang yang mempercayainya (Rani 2015). Mitos berbentuk

naratif, cerita yang dituturkan tentang masa dahulu yang bersifat menjelaskan fenomena budaya tertentu atau memberi pendidikan secara tidak langsung kepada para pendengar lisan dan para pembacanya (Munandar 2012). Mitos berada dalam ruang lingkup sosial budaya iaitu berkaitan tingkah laku manusia itu sendiri. Manusia mempunyai keupayaan kognisi yang tinggi dan mampu menggunakan akal

yang baik berbanding makhluk lain. Namun manusia tidak mampu menjelaskan semua fenomena yang ada di persekitarannya. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa mitos merupakan cara manusia memahami, menyatakan dan juga menghubungkannya kepada diri sendiri serta sebagai wadah budaya.

Menurut Kamus Dwibahasa (1999:816), myth/mitos merupakan satu dongeng atau tradisi yang dianggap benar dan biasanya merupakan kepercayaan bukan kejadian (dewa dan alam seluruhnya). Mitos yang melibatkan manusia, benda dan lain-lain hanya merupakan andaian dan penceritaan kompak bahawa manusia hidup bersama di dunia ini saling mengasihi seperti adik-beradik telah dibuktikan sebagai satu khayalan semata-mata.

### KAJIAN LITERATUR

Sebuah penceritaan yang dipercayai kejadiannya pada masa lalu berkaitan fenomena alam dengan manusia. Anyanwu (1987), memetik bahawa manusia tidak boleh hidup tanpa mitos. Mitos menghubungkan kait misteri dan perkara yang tidak munasabah. Selain itu, mitos menerangkan tentang kehidupan, sebuah negeri, dan model untuk tingkah laku manusia, tetapi mitos ini tidak menerangkan secara tersurat dan ianya berfungsi dalam bentuk tersirat. Menurut Jaja (2012), hubungan mitos dalam diri manusia begitu erat sehingga mitos lahir dalam keadaan yang tidak bersistem dan melibatkan kesucian.

Zakaria et al. (2015), mitos secara umumnya dikenali sebagai imaginasi dan juga sastera lisan yang paling tua dan lahir dalam masyarakat yang bercorak sederhana, mengekalkan ciri-ciri budaya asal, menjadikan milik bersama masyarakat dan mengandungi unsur-unsur perulangan, persamaan, tokoh tambah ataupun dikurangkan. Sebuah cerita lisan bergantung kepada peranan tukang cerita itu sendiri dalam masyarakat. Sekiranya teknik hafalan dan kreativitinya bagus, maka cerita mitos tersebut dapat disampaikan dengan baik. Seterusnya mitos biasanya digunakan dalam bidang antropologi, kesusasteraan, dan semiotik. Dalam antropologi, cerita mitos sering berkaitan dengan budaya manusia atau masyarakat yang menciptanya. Mitos dalam kesusasteraan dilihat sebagai cerita atau imej manusia yang kekal, dan biasanya mempunyai hubungan dengan moral atau estetik. Manakala dalam semiotik pula, mitos dilihat sebagai rantaian yang tidak bersambungan dalam budaya manusia.

Mitos juga dilahirkan adalah untuk menerangi kehidupan manusia kerana daripada mitos manusia dapat menggunakan otak untuk berfikir secara tersirat. Walaupun secara awalnya mitos ini bertujuan menjelaskan fenomena yang tidak dapat diterangkan secara jelas, namun mitos dapat menyerlahkan hubungan manusia dengan alam. Mitos lahir dalam alam semula jadi melalui fikiran berdasarkan ilusi serta imaginasi, seperti asal usul kehidupan, sifat alam semesta, pencipta manusia dan juga dunia. Pada saat ini, mitos akan muncul terhadap kita dan bukan satu pelanggaran untuk kita tetapi mitos sudah ada setiap zaman. Menurut Vignoli (2006), mitos juga merupakan lambang kecerdasan manusia dan bagi memupuk emosi serta kesedaran secara umumnya mengenai sesuatu kejadian.

Selanjutnya mitos mempunyai keistimewaan bagi setiap masyarakat yang mempercayainya. Penceritaan mitos tidak hanya terhad di kawasan kampung sahaja, malah ianya turut berlaku di kawasan bandar juga. Penceritaan mitos ini sering kali diperdengarkan oleh golongan tua kepada anak mahupun cucu mereka dengan tujuan hiburan dan mendidik. Namun hiburan ini lebih berbentuk moraliti (Eliade 1998). Mitos turut mempunyai peranan signifikan dalam membentuk semangat ataupun persepsi dalam suatu kaum. Contohnya, mitos kaum Bajo atau Bajau, mengatakan perahu tidak boleh dibiarkan kering. Ianya membentuk persepsi masyarakat Bajau bahawa tinggal di atas air dan mengerjakan hasil laut adalah cara hidup kaum ini (Uniawati 2011).

Mitos tetap menerapkan nilai dan fungsi pengajaran kepada golongan yang tidak lagi buta huruf tetapi celik teknologi. Mitos secara realitinya mempunyai pengaruh yang kuat pada abad ke-17 dan abad ke-18, pemisahan antara sains dan mitos berlaku. Pada masa itu Bacon, Descartes, dan Newton mengatakan bahawa sains perlu untuk membina dirinya menentang generasi lama (Strauss 1995).

Selain itu, mitos juga digunakan sebagai satu produk bertujuan untuk menarik pelancong melawati tempat yang kaya dengan cerita-cerita mitos. Misalnya di Lembah Lenggong di Negeri Perak, mereka menjadikan mitos sebagai daya tarikan pelancong luar untuk melawat kawasan tersebut. Mitos-mitos yang terdapat di persekitaran Lembah Lenggong terdiri daripada mitos masyarakat Orang Asli suku kaum Lanoh. Hal yang demikian, boleh dikatakan bahawa mitos mempunyai fungsi yang


tersendiri dalam setiap masyarakat di dunia ini (Hassan et al. 2014). Menurut Hassan et al. (2014), unsur mitos sering ditemui dalam cerita-cerita rakyat dalam bentuk tradisi lisan dan juga sejarah tradisional sesuatu kawasan. Mitos bukan sahaja sebagai hiburan tetapi sebagai satu elemen baru bagi memperkenalkan sesuatu tempat tersebut.

## METODOLOGI

Kajian ini dilakukan di Kampung Peta, Endau, Mersing Johor Darul Ta'zim dan lokasi geografinya, N 02°32.359' dan E 103°24.833'. Penduduk majoritinya adalah masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun, tergolong dalam suku kaum Melayu-Proto. Menurut Juli Edo (2010), Orang Asli mempunyai 19 suku kaum dan terbahagi kepada tiga rumpun iaitu Negrito, Senoi dan juga Melayu Proto. Ketiga-tiga rumpun ini dipecahkan mengikut suku kaum masing-masing daripada segi ciri budaya, bahasa, fizikal dan cara hidup. Senoi merupakan kumpulan yang terbesar terdiri daripada suku Semai, Semoq Beri, Jahut, Temiar, Che Wong dan Mahmeri. Melayu Proto atau dikenali Melayu Asli merupakan golongan kedua terbesar terdiri daripada masyarakat orang asli suku kaum Jakun, Temuan, Semelai, Orang Selat, Orang Kanaq, Orang Selatar dan Temoq. Manakala kumpulan ketiga iaitu Negrito terdiri dari suku Kensiu, Kintak, Lanoh, Jahai, Maendriq dan Bateq (Harun et al. 2011).

Bagi memperoleh maklumat mengenai sebuah penceritaan tentang mitos, kajian kualitatif digunakan. Kajian ini bergantung pada pandangan informan, melakukan pertanyaan kepada setiap maklumat yang diinginkan, mengumpulkan data dalam bentuk teks dan perkataan serta melakukan analisis bertujuan untuk memperoleh maklumat yang di cari. Penggunaan kajian kualitatif juga disebabkan penglibatan dengan etnografi iaitu bertujuan menerokai budaya masyarakat. Kaedah temu bual merupakan cara yang digunakan untuk mendapat maklumat tentang mitos. Ini kerana mitos merupakan sebuah sastera lisan yang telah lama wujud dalam masyarakat. Kaedah temu bual ini biasanya akan dilakukan secara berstruktur di mana informan yang terpilih terdiri daripada 20 responden sebagai orang yang tahu dan memahami mitos yang hidup dalam masyarakat itu sendiri. Informan juga akan bercerita berdasarkan mitos yang dikehendaki itu. Memandangkan salah seorang pengkaji kajian adalah berketurunan suku kaum

Jakun dan berasal daripada Kampung Peta maka sesi temu bual tentang mitos telah dapat dijalankan seperti dirancang. Kedudukan Kampung Peta adalah seperti ditunjukkan di dalam Rajah 1.



RAJAH 1. Kedudukan Kampung Peta di Peta Malaysia.  
Sumber: QGIS v2.18

## DAPATAN KAJIAN

### FUNGSI MITOS TERHADAP MASYARAKAT

#### MITOS ABADI DALAM DIRI

Mitos pada masa dahulu dianggap sebuah sejarah dalam kalangan masyarakat yang berpegang teguh pada pandangan dan budaya konservatif bersifat mistik mitos. Perkara ini berlaku disebabkan mitos dan sejarah mempunyai bentuk penyampaian yang sama. Namun begitu terdapat perbezaan yang ketara antara keduanya iaitu mitos tidak mementingkan fakta dan bersifat non realisme, manakala sejarah mementingkan fakta serta bersikap realisme. Mitos bukanlah suatu yang baru dalam diri manusia. Mitos sudah sekian lama bertapak dalam diri manusia iaitu sejak berabad abad. Mitos merupakan sebuah penceritaan yang dipercayai kejadiannya pada masa lalu berkaitan fenomena alam dengan manusia. Mitos adalah satu pemprosesan khusus kepada setiap masyarakat bagi menyampaikan maklumat sejarah iaitu sejarah mitos.

Sebagai contoh mitos dalam masyarakat Orang Asli Kampung Peta iaitu Buaya Sangkut. Mitos Buaya Sangkut ini menceritakan perihal buaya dan juga seorang gadis tempatan. Sepanjang aliran Sungai Endau terdapat perkampungan masyarakat orang asli suku kaum Jakun dan mempunyai

penduduk yang ramai. Penempatan masyarakat di kawasan sungai adalah kerana mereka mudah untuk berkomunikasi dengan masyarakat lain pada masa dahulu. Sungai merupakan jalan utama untuk mereka. Selain sebagai jalan untuk berhubung, sungai juga dijadikan tempat mencari rezeki seperti memudahkan mereka mendapat sumber makanan serta sumber air minuman dan keperluan lain.

Menurut masyarakat suku kaum Jakun, Sungai Endau merupakan sarang buaya di mana ia amat mudah membiak. Kesan daripada pembiakan ini telah menambahkan bilangan buaya yang berada dalam Sungai Endau. pembiakan yang pesat ini telah mendatangkan pelbagai masalah terhadap masyarakat sehingga mengancam banyak nyawa. pembiakan ini disebabkan Sungai Endau merupakan sungai yang mempunyai pelbagai sumber makanan untuk buaya terus hidup. Keadaan bertambah parah lagi apabila sesetengah masyarakat itu sendiri mempunyai ilmu hitam "*black magic*" yang berkaitan dengan buaya. Mereka menggunakan ilmu hitam ini bertujuan untuk menguji kehebatan mereka dalam mengendalikan buaya. Selain itu, ia bertujuan untuk membalas dendam sehingga ritual pemujaan buaya dilakukan agar menangkap musuh atau pun individu yang tidak disukai. Hal yang demikian telah menimbulkan ketidaktenteraman masyarakat pada masa itu.

Keganasan buaya dalam persekitaran Sungai Endau terserlah apabila ada ahli masyarakat yang turun ke sungai untuk mandi dan juga mengambil air dibaham oleh buaya. Hal ini merupakan plot titik permulaan mitos mengenai Buaya Sangkut di mana pada suatu petang terdapat seorang gadis pergi ke sungai mengambil air. Ketika gadis tersebut mengambil air tiba-tiba timbul seekor buaya di depannya. Lantas dengan perasaan yang amat takut, gadis tersebut bergegas pulang ke rumah. Reaksi ketakutan gadis ini telah diketahui oleh kedua dua orang tuanya. Lalu gadis ini menceritakan bahawa dia ternampak buaya depan matanya ketika mengambil air.

Pada sebelah malam, ayahnya bermimpi dan berbicara dengan buaya yang dijumpai oleh anaknya pada petang tadi. Buaya berkenaan sengaja tidak membaham anak gadisnya kerana ingin mengahwini dan berpesan bahawa walaupun ada halangan serta rintangan buaya itu akan tetap mengambil gadis tersebut. Daripada mimpi berkenaan, ayah gadis tersebut teringat kata-kata seorang pawang yang mengatakan bahawa mereka suami isteri memperoleh anak perempuan

yang mempunyai nasib yang malang. Masyarakat setempat juga percaya jika siku tangan melepasi telinga maka seseorang itu akan menerima nasib yang malang. Kerisauan ahli keluarga gadis tersebut dan masyarakat tidak dapat dibendung lagi sehingga mereka berpindah mencari tempat lebih selamat untuk mengelak daripada menjadi mangsa buaya yang sedang mengganas di Sungai Endau.

Seterusnya, setelah beberapa bulan keluarga ini berjalan akhirnya mereka menemui sebuah jeram yang tinggi. Ayah kepada gadis itu mencadangkan bahawa jeram ini sangat sesuai untuk dijadikan tempat tinggal kerana ketinggian, berkemungkinan buaya tidak mampu untuk menjejaki mereka dan seterusnya mereka bebas daripada buruan buaya tersebut. Oleh itu, mereka bergegas mendirikan sebuah rumah dan memasak makanan. Semenjak itu, mereka hidup dalam keadaan yang sangat baik seperti sebelumnya.

Pada suatu petang, gadis tersebut pergi ke jeram untuk mandi. Ketika gadis tersebut sedang mandi di tepi jeram terdapat seekor buaya sedang mengintai. Buaya tersebut mengintai gadis itu daripada celah batu. Dalam keasyikan memandangi gadis tersebut sedang mandi buaya itu tidak sedar bahawa dirinya menghampiri jeram tersebut dan terjatuh ke bawah jeram.

Pada keesokan pagi, ayah gadis tersebut tergerak untuk turun ke bawah jeram. Tujuannya adalah untuk menangkap ikan untuk dibuat lauk pada hari itu. Semasa dalam perjalanan ke bawah jeram, dia ternampak seekor buaya mati tersangkut di atas dahan pokok pelawan. Bagi meyakinkan keluarganya yang mereka telah selamat, dia pun mengambil kulit buaya tersebut sebagai bukti bahawa buaya tidak boleh melepasi jeram tersebut. Kulit buaya diambil serta dijemur setiap hari agar kering bertujuan untuk membuat sebuah rebana.

Selanjutnya ayah gadis tersebut telah membuat rebana dari kulit buaya itu sehingga siap. Hampir setiap malam ayahnya memainkan rebana yang baru siap itu sehingga tengah malam terutamanya selepas mereka makan malam tanpa jemu. Pada suatu malam selepas mereka makan, ayahnya meletakkan rebana di atas tempat anak gadisnya tidur. Semasa mereka tidur, tiba-tiba rebana itu terjatuh dan terkena atas dahi anak gadisnya. Setelah terdengar bunyi benda jatuh, ayah dan ibu gadis tersebut terus bangun sambil memerhatikan ke arah anak mereka yang berlumuran darah serta meninggal dunia di situ.

Setelah siang mayat anak gadis mereka pun dikebumikan. Rebana kulit buaya yang dibuat

oleh ayahnya turut dibekalkan dalam kubur. Pada malam pertama pemergian anak mereka, ayahnya bermimpi lagi akan buaya tersebut sambil buaya itu mengatakan bahawa dia telah berjaya mengambil gadis tersebut sebagai teman hidupnya. Sehingga akhirnya, apabila pantang larang hari kematian anak gadis mereka selesai, mereka pun berpindah daripada jeram tersebut. Selepas peristiwa ini berlaku, ayah gadis itu menamakan jeram tersebut sebagai Jeram Buaya Sangkut serta mitosnya juga masih kekal sehingga sekarang. Daging buaya tanpa kulit yang ditinggalkan oleh ayah gadis itu di jeram menjadi batu.

#### BERFIKIR SECARA TERSIRAT

Tujuan mitos dilahirkan adalah untuk menerangi kehidupan manusia dalam kegelapan kerana daripada mitos manusia dapat menggunakan akal untuk berfikir secara tersirat. Walaupun secara awalnya mitos ini bertujuan menjelaskan fenomena yang tidak dapat dijelaskan secara nyata, namun mitos dapat menyerlahkan ketabahan dan hubungan yang *familiarly* dengan alam. Seterusnya, mitos lahir dalam alam semula jadi yang umum dan menyeluruh iaitu secara berfikir berdasarkan ilusi serta imaginasi, seperti asal usul kehidupan, sifat alam semesta, pencipta manusia dan juga dunia. Mitos yang masih wujud masa ini tidak bermaksud sebagai halangan pada generasi ini untuk bergerak maju kerana mitos itu sendiri telah wujud lebih lama dahulu dan telah melalui beberapa generasi sebelum sampai ke saat ini.

Contoh mitos yang mempunyai lambang tersebut iaitu mitos berkaitan dengan papatung. Masyarakat Orang Asli Kampung Peta melarang sesama sekali kanak-kanak menangkap dan bermain papatung kerana dipercayai pembawa penyakit seperti demam, batuk dan pening terutamanya apabila serangga tersebut masuk ke dalam rumah (Jai dan Maryati 2018). Secara tersirat mitos ini bertujuan untuk memelihara serangga tersebut dalam habitat asalnya, kerana itu dilarang bermain dengan serangga ini. Selain itu, serangga ini juga sering berkeliaran pada tengah hari semasa matahari panas terik (Susanti 1998). Ia akan memberi kesan pada kesihatan kanak-kanak sekiranya mereka bermain dalam keadaan cuaca yang panas seperti yang dinyatakan dalam mitos tersebut.

Terdapat juga beberapa contoh, iaitu mitos berkaitan *Sentoyot Lidah Rusak* (periuk kera spesies

*Upper Nepenthes rafflesiana*, Charles Clarke 2002). Menurut mitos ini, periuk kera tidak boleh dijadikan tempat untuk menanak nasi kerana dipercayai *celau* iaitu malapetaka. Namun apa yang tersirat di sebalik mitos ini jelas membawa maksud bahawa dalam ruang atau lingkungan periuk kera tersebut terdapat serangga yang terperangkap, mati dan juga berbisa. Serangga ini dipercayai akan membahayakan kesihatan jika masyarakat menggunakan tumbuhan tersebut.

#### PENDIDIKAN DAN MEMBINA SEMANGAT

Mitos juga mempunyai keistimewaan dalam setiap masyarakat yang mempercayainya. Penceritaan mitos tidak hanya terhad di kawasan kampung sahaja, malah ianya turut berlaku di kawasan bandar juga. Penceritaan mitos ini sering kali diperdengarkan oleh golongan tua kepada anak-anak mahupun cucu mereka dengan tujuan berhibur. Namun penceritaan ini lebih berbentuk moraliti secara menyeluruh yang cuba disampaikan dalam bentuk hiburan (Eliade 1998). Mitos turut mempunyai peranan yang cukup signifikan dalam membentuk semangat ataupun persepsi dalam suatu kaum. Misal mengenai penjagaan kelakuan, masyarakat Orang Asli percaya bahawa Puteri Besan (serangga riang-riang, *Megapomponia imperatoria*) adalah penghulu hutan yang harus dihormati apabila ia berbunyi waktu maghrib. Jika ingkar musibah akan berlaku pada pelaku. Manakala untuk semangat, sesiapa yang membantu membuat kayu galang kubur untuk si mati, dipercayai habuk ataupun cebisan kayu galang tersebut adalah duit untuk bekalan mereka di akhirat nanti. Perkara ini telah berjaya memotivasi dan menaikkan semangat golongan muda untuk membantu membuat kayu galang tersebut.

Senario ini jelas menunjukkan bahawa pengisahan atau penceritaan mitos bukan sahaja memberi unsur hiburan tetapi turut mempunyai unsur pendidikan dan membina semangat. Meskipun pada masa kini masyarakat menganggap mitos sebagai sebuah cerita dongeng tetapi cerita mitos ini tetap menerapkan nilai dan fungsi pengajaran kepada mereka yang bukan sahaja telah berpendidikan bahkan sehingga kepada masyarakat yang telah celik teknologi.

#### DIGUNAKAN SEBAGAI ALASAN TIDAK LANGSUNG

Mitos sebagai satu alasan yang tidak langsung atau pun sebuah ayat yang mampu mempengaruhi pemikiran manusia. Contoh, mitos dalam masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun yang mengatakan larangan memotong kuku pada waktu malam kerana dikhuatiri ibu bapa akan meninggal akibat tindakan tersebut. Rasionalnya, larangan ini adalah untuk mengelakkan terjadinya kecederaan akibat memotong kuku dalam suasana malam yang gelap. Sebab dan akibat atau pengajaran dalam mitos ini telah membentuk persepsi yang kuat dalam kalangan anggota masyarakat kaum Jakun agar tidak memotong kuku pada waktu malam. Seterusnya, pokok bayas adalah tangga raja dan setiap masyarakat yang mencari rezeki dalam hutan tidak boleh menebang pokok ini. Perbuatan mengambil umbut untuk dimakan ini dikatakan akan membawa kerosakan atau kesialan ketika mencari rezeki. Pengajaran daripada mitos ini ialah untuk mengelak daripada cedera terkena duri semasa proses mengambil umbut tersebut pada individu atau ahli masyarakat.

#### MITOS DIJADIKAN PRODUK

Selebihnya, mitos juga digunakan sebagai satu produk bertujuan untuk menarik pelancong melawati tempat yang berasosiasi dengan cerita-cerita mitos. Taman Negara Endau Rompin Peta juga kaya dengan kepelbagaian mitos berkaitan dengan tempat yang masih kekal dalam kepercayaan masyarakat Orang Asli Kampung Peta sehingga kini. Mitos ini juga menjadi tarikan setiap pelancongan yang hadir dan menjadi kegiatan rutin bagi penduduk setempat menceritakannya apabila ada pelawat yang berkunjung daripada luar. Hasil penyampaian daripada mulut ke mulut membuat mitos ini diketahui masyarakat serta menimbulkan minat untuk melawat tempat-tempat tersebut. Antaranya adalah Upeh Guling, di mana mitos ini mengisahkan seorang lelaki bunian dengan ayam sabungnya. Nama lelaki bunian tersebut iaitu Upeh, kerja Upeh adalah menyabung ayam setiap hari. Pada suatu hari ketika Upeh meniti jeram iaitu dalam perjalanan pulang, Upeh ternampak tunangnya duduk di atas tangga. Ketika memerhatikan tunangnya, Upeh tergelincir lalu terjatuh dalam jeram. Ayam yang dikendongnya tercampak dan terbang menuju ke

arah hutan berhampiran Upeh Guling. Upeh yang terjatuh daripada jeram terus hilang. Masyarakat percaya bahawa setiap bulan purnama terdapat kedengaran bunyi ayam berkokok, ayam tersebut adalah kepunyaan Upeh. Semenjak peristiwa Upeh berguling daripada jeram, masyarakat suku kaum Jakun memanggil jeram tersebut Upeh Guling.

#### FAKTOR KESELAMATAN (*SECURITY*)

Mengapa mitos dikatakan sebagai sebuah *security* iaitu pengawal keselamatan. Mitos adalah untuk menjelaskan fenomena yang tidak dapat dijelaskan secara terperinci oleh masyarakat terdahulu. Sebagai contoh, mitos Takah Kunyit. Wujudnya nama Takah Kunyit ini disebabkan seorang budak bernama Kunyit. Ketika Kunyit sedang mandi, dengan tiba-tiba seekor buaya telah menangkapnya. Tujuan buaya itu menangkap Kunyit adalah kerana ingin memakannya, lantas buaya tersebut membawa Kunyit berjumpa dengan Raja Buaya. Setelah tiba di hadapan raja, raja buaya itu pun bertanya pada buaya yang menangkap Kunyit, “apa kesalahan dia?”. Buaya itu pun menjawab bahawa dia kempunan kunyit. Sebaik sahaja terdengar penjas buaya tadi, raja buaya menanya Kunyit “adakah kamu kempunan kunyit?”. Dengan tidak membuang masa Kunyit pun berkata bahawa Kunyit itu adalah namanya.

Setelah soal siasat terhadap Kunyit, raja buaya pun mengarah pada pengikut bahawa Kunyit harus di hantar balik dan tidak dibenarkan Kunyit di apa-apakan. Sesudah sampai di permukaan air, Kunyit segera bergegas ke daratan dengan selamat. Daripada peristiwa tersebut wujudlah nama Takah Kunyit dan setiap buaya yang menangkap mangsanya tidak akan melalui raja kerana kluatir perkara yang sama akan terjadi. Masyarakat suku kaum Jakun juga percaya bahawa kempunan kunyit adalah kempunan yang paling besar dan sentiasa berwaspada agar tidak kempunan kunyit. Oleh demikian, mitos ini sebenarnya cuba menerangkan bahawa buaya merupakan reptilia yang paling ganas serta mampu mengancam keselamatan manusia.

#### MEMUPUK KESETIAAN

Selain itu, mitos merupakan sebuah bahasa yang digunakan untuk menyampaikan ucapan terima kasih kepada nenek moyang terdahulu iaitu

melalui upacara ritual (Masriyah 2014). Jika mitos dilanggar misalnya yang berkaitan dengan ritual, masyarakat yang mempercayainya yakin bahawa ia akan mendatangkan kesan yang negatif. Sebagai contoh, jika masyarakat itu berjanji kepada keramat misalnya untuk membuat ritual setelah penyakitnya hilang namun gagal mengotakan janji tersebut, maka akan datang kesan negatif seperti gila. Manakala kaitan antara mitos dan agama adalah bergantung kepada sejauh mana cara penyampaian yang digunakan dalam menyampaikan penceritaan tersebut mempunyai unsur mitos ataupun sebaliknya. Mitos adalah hasil pemikiran intelektual, merupakan orientasi spiritual dan bukan hasil yang logik.

### KESIMPULAN

Mitos merupakan salah satu mekanisme penyampaian maklumat dalam bentuk komunikasi lisan dalam masyarakat terdahulu. Walaupun ciri-ciri penyampaian ini penuh dengan isi yang tersirat ia juga menuntut kita berfikir secara mendalam dan terperinci bagi memahami fungsi dan mesej yang tersirat dalam mitos tersebut. Oleh itu, mitos perlu dipertahankan kerana mitos berfungsi untuk mengabdikan diri, berfikir secara tersirat, mekanisme pendidikan, membina semangat dan motivasi, sebagai alasan tidak langsung, sebagai produk, faktor keselamatan (*security*) dan memupuk kesetiaan. Ini adalah kerana mitos merupakan alat komunikasi yang paling berkesan dalam memupuk budaya sesebuah masyarakat, mudah diterima daripada segi pemikiran asas masyarakat setempat, sesuai dengan situasi masing-masing iaitu kehidupan sosial budaya masyarakat yang mempercayainya.

### PENGHARGAAN

Salam sejahtera, di sini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih pada semua yang terlibat dalam menjayakan jurnal ini. Terima Kasih kepada semua warga Kampung Peta, sama ada golongan muda atau pun golongan tua yang memberi maklumat tentang mitos seramai 20 orang dan membawa saya ke tempat yang mempunyai mitos tersebut. Terima kasih pada Center of Research – Sustainable Uses of Natural Resources (COR-SUNR) Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Terima kasih juga pada pengurusan Taman Negara Johor Endau Rompin Peta “TNJER

Peta”. Projek kajian ini ditaja oleh geran kontrak K001 di bawah Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

### RUJUKAN

- Anyanwu K. 1987. *The Idea of Art in African Thought. Contemporary Philosophy. A New Survey* (Ed.). Floistad EG. Dordrecht. Martins Nyhoff Pub.
- Charles Clarke. 2002. *A Guide to The Pitcher Plant of Peninsular Malaysia*. Kota Kinabalu: Natural History Publications (Borneo).
- Eliade M. 1998. *Myth and Reality*. New York and Evanston: Translated from the French by Willard R. Trask.
- Harun, R., Wai, Y.H., Othman, F., Yusoff, M.K. & Ramli, M.F. 2011. *Kepelbagaian Biologi dan Nilai Hutan untuk Kelangsungan Hidup Orang Asli. Kajian Kes di Taman Negara Royal Belum, dalam Rahim A.R.A., Koh, H.L., Abdullah, M., Latiff, A. (Ed). Taman Negara Diraja Belum, Perak. Pengurusan Hutan, Persekitaran Fizikal, Kepelbagaian Biologi dan Sosio-ekonomi*. Kuala Lumpur: Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.
- Hassan F., Isa H. M. 2014. *Mitos dan Legenda sebagai Produk Pelancongan di Malaysia: Kajian kes Lembah Lenggong. Malaysian Journal of Society and Space* 10(5): 168-179.
- Jai dan Maryati. 2018. *Serangga dan mitos suku kaum Jakun, Kampung Peta, Mersing Johor. Serangga* 23(1): 1-11.
- Jaja J. 2012. *Myths in African concept of reality. International Journal of Educational Administration and Policy Studies* 6(2): 9-14.
- Juli Edo. 2010. *Warisan-Warisan Orang Asli yang Terancam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Kamus Dwibahasa*. 1999. Bahasa Inggeris-Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Masriyah S. 2014. *Perubahan Cara Pandang Masyarakat Terhadap Mitos dalam Tradisi Bersih Makam Ki Hajar Welaran di Gunung Paras Desa Karangsambung Kecamatan Karangsambung Kabupaten Kebumen. Universitas Muhammadiyah Purworejo. Jurnal Program Studi Pendidikan Bahasa dan Sastra Jawa* 5(5): 73-78.
- Munandar A. 2012. *Mitos dan peradaban bangsa. Prosiding The 4<sup>th</sup> International Conference on Indonesian Studies: Unity, Diversity and Future*, 9-10 Februari 2012, Bali, Indonesia. (3-23).
- Rani R. 2015. *Introduction of various Modern Theories of Myth. International Journal of English Language, Literature in Humanities* 3 (2): 439-444. Diakses pada 29 Januari 2019, <http://www.ijellh.com/OJS/index.php/OJS/article/view/371>.
- Strauss C. L. 1995. *Myth and Meaning*. New York: Schocken Book.
- Susanti S. 1998. *LIPI – Seri Panduan Lapangan Mengenal Capung*. Puslitbang Biologi – LIPI, DEF – Biodiversity Collections Project.
- Uniawati. 2011. *Mitos dan Aktivitas Melaut Masyarakat Bajo di Buton. Jurnal Pendidikan dan Kebudayaan* 20(4): 568-578.
- Vignoli. T. 2006. *Myth and Science an Essay*. London Kegan Paul: Trench and CO.

Zakaria N. 2012. *Unsur Tipainduk dan Mitos dalam Teks Pilihan*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Zakaria N., Mahiyadin R., Baharudi. S. 2015. *Cerita Mitos dalam Dua Dunia*. Tanjung Malim. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

#### RESPONDEN

Adnan bin Timpil. 46 tahun. Kerja sendiri. 19 Ogos 2017.

Atan bin Jala. 57 tahun. Penoreh getah. Temu bual. 18 Ogos 2017.

Ameng bin Akab. 61 tahun. Penoreh getah. Temu bual. 9 Ogos 2017.

Awang bin Kudi. 61 tahun. Kerja sendiri. Temu bual. 18 Ogos 2017.

Azizah bt Hussien. 47 tahun. Perbadanan Taman Negara Johor. 22 Jun 2017.

Azman bin Nyeluang. 39 tahun. Kerja sendiri. 25 Ogos 2017.

Dido bte Lanau. 69 tahun. Ibu tunggal. Temu bual. 14 Ogos 2017.

Harun bin Sirak. 64 tahun. Kerja sendiri. Temu bual. 21 Jun 2017.

Jefri Bin Johari. 50 tahun. Penoreh getah. Temu bual 10 Ogos 2018.

Jelang binti Lemon. 56 tahun. Penoreh getah. Temu bual 9 Ogos 2017.

Johari bin Ah Heng. 49 tahun. Kerja sendiri. Temubual. 27 Ogos 2017.

Kamal bin Kimon. 57 tahun. Kerja sendiri. Temu bual. 20 Jun 2017.

Kechek bt Chuka. 58 tahun. Ibu tunggal. Temu bual. 25 Ogos 2017.

Linggi bin Tekosa. 59 tahun. Penoreh getah. Temu bual 26 Jun 2017.

Moi binti Kudi. 68 tahun. Ibu tunggal. Temu bual. 27 Ogos 2017.

Nari a/p Mahadi. 47 tahun. Kerja sendiri. Temu bual. 12 Ogos 2017.

Nur Atirah binti Abdullah. 43 tahun. Kerja sendiri. Temubual. 22 March 2018.

Pawan binti Sidek. 51 tahun. Penoreh getah. Temu bual. 18 Ogos 2017.

Petai binti Akar. 57 tahun. Kerja sendiri. Temu bual. 18 Ogos 2017.

Putu bin Chehok. 55 tahun. Pengerusi Batin. Temu bual. 16 Oktober 2017.

Rahim bin Kantan. 51 tahun. Pekerjaan Pemandu Bot Pelancongan. Temu bual 29 Ogos 2017.

Rempuyan bin Kantan. 58 tahun. Batin Kampung Peta. Temu bual 29 Ogos 2017.

Resnah binti Jala. 47 tahun. Perbadanan Taman Negara Endau Rompin Peta. Temu bual 22 March 2018.

Sabri bin Jepok. 45 tahun. Perbadanan Taman Negara Johor. Temubual. 24 Jun 2017.

Sekio binti Lanau. 59 tahun. Suri rumah. Temu bual. 21 Jun 2017.

Seman bin Lemon. 49 tahun. Kerja sendiri. Temubual. 26 Jun 2017.

Senam binti Mat. 68 tahun. Ibu tunggal. Temu bual. 15 Oktober 2017.

Seni binti Kantan. 46 tahun. Suri rumah. 18 Ogos 2017.

Soh bin Sembong. 78 tahun. Tiada pekerjaan. 1 Ogos 2017.

Jai Kemalok

Pusat Penyelidikan & Penggunaan Mapan Sumber-Sumber Asli

(COR-SUNR), Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi

Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia

Kampus Pagoh, KM 1, Jalan Panchor

84000, Muar, Johor, Malaysia

E-mail: jaikemalok@gmail.com

Maryati Mohamed

Pusat Penyelidikan & Penggunaan Mapan Sumber-Sumber Asli.

(COR-SUNR), Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi

Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia

Kampus Pagoh, KM 1, Jalan Panchor

84000, Muar, Johor, Malaysia.

E-mail: maryati@uthm.edu.my

Diserahkan: 19 November 2018

Diterima: 01 Oktober 2019